

**ENAKMEN KAWALAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM
NEGERI SELANGOR 1988 (PINDAAN 2001)
BERHUBUNG DENGAN KENAZIRAN**

Bahagian V

NAZIR SEKOLAH ISLAM

17. Majlis boleh melantik beberapa orang Nazir Sekolah Islam sepertimana yang diperlukan, yang tugas-tugasnya hendaklah termasuk ;

- (a) menjalankan pemeriksaan, dari masa ke semasa, ke atas Sekolah-sekolah Islam tentang pengajaran kurikulum yang dibenarkan, penggunaan buku-buku teks, guru-guru yang diambil bekerja dan pematuhan yang wajar akan Enakmen ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya atau arahan-arahan pendaftar :
- (b) menjalankan penyiasatan ke atas mana-mana Sekolah Islam berhubungan dengan apa-apa perkara yang dibenarkan oleh pendaftar :
- (c) menjalankan pemeriksaan ke atas akaun-akaun Sekolah Islam : dan
- (d) membuat laporan ke atas apa-apa perkara luar aturan, termasuk apa-apa cadangan yang perlu kepada Pendaftar.

18 Majlis boleh membenarkan secara bertulis mana-mana orang untuk menjalankan tugas-tugas Nazir Sekolah Islam dan orang yang dilantik sedemikian itu hendaklah mempunyai segala tugas dan kuasa yang dipunyai oleh Nazir Sekolah Islam.

- 19.** (1) Mana-mana anggota Jemaah, guru atau pekerja Sekolah Islam hendaklah memberi segala kemudahan kepada mana-mana Nazir Sekolah Islam atau mana-mana orang yang diberi kuasa untuk menjalankan apa-apa pemeriksaan dan hendaklah memberi segala maklumat dan mengemukakan segala buku, akaun dan lain-lain dokumen yang mungkin dikehendaki.
- (2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi mana-mana peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah enakmen ini.